



## **KENYATAAN / SIARAN AKHBAR**

**Bahagian Komunikasi Korporat  
Perbadanan Putrajaya  
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013**

### **YAB PERDANA MENTERI MELUNCURKAN 7 PROJEK RESIDENSI MADANI DI PUTRAJAYA**

**PUTRAJAYA, 28 Oktober 2024** – YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri telah menyempurnakan Majlis Peluncuran bagi 7 (tujuh) projek pembangunan Residensi MADANI di Putrajaya. Sebanyak 4,000 unit Residensi MADANI Putrajaya dijangka akan siap dibina menjelang tahun 2028. Tujuh projek Residensi MADANI ini terletak di Presint 5, 7, 11, 16 dan 19 Wilayah Persekutuan Putrajaya iaitu Residensi MADANI Sentral, Serunai, Cemara, Cengkih, Cempaka, Mawar dan Melur.

Objektif utama projek pembangunan Residensi MADANI Putrajaya adalah untuk menyediakan Perumahan Mampu Milik dalam kategori kos sederhana rendah di Wilayah Persekutuan. Ini merupakan salah satu usaha Kerajaan membantu golongan sasaran untuk memiliki kediaman yang selesa, persekitaran yang selamat, sihat dan sejahtera. Di samping mencapai matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 serta merealisasikan Dasar Perumahan Negara (2018-2025) dapat dicapai di Wilayah Persekutuan di mana keperluan pemilikan rumah pertama yang mampu dimiliki.

Malahan, Kerajaan komited melalui Skim Jaminan Kredit Perumahan MADANI (SJKP-MADANI) telah menyediakan peruntukan sebanyak 10 billion ringgit bagi membantu lebih ramai rakyat Malaysia untuk memiliki rumah mampu milik dengan jaminan pembiayaan sehingga 120% daripada harga kediaman rumah ditawarkan kepada pemohon yang layak.

Selain itu, Kerajaan turut menawarkan pengecualian duti setem sebanyak 100% ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi pemilikan rumah pertama dengan harga rumah tidak melebihi RM 500 ribu ringgit menerusi Inisiatif Pemilikan Kediaman Malaysia (i-MILIKI).

lanya juga selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri bahawa, pemilik rumah pertama akan mendapat pelepasan cukai sehingga RM7,000.00 bagi rumah kediaman yang berharga sehingga RM500,000.00 untuk menggalakkan lebih banyak pemilikan rumah pertama di kalangan rakyat Malaysia. Kesemua inisiatif ini menunjukkan betapa seriusnya Kerajaan dalam membantu rakyat Malaysia memiliki rumah sendiri. Adalah menjadi harapan Kerajaan agar rakyat dapat memilik sebuah kediaman yang selesa, berkualiti, lokasi yang sangat strategik di Wilayah Persekutuan Putrajaya terutama bagi golongan B40.

Majlis Peluncuran Residensi MADANI Putrajaya hari ini telah diadakan di tapak Residensi Sentral, Presint 7, Putrajaya yang telah memulakan kerja-kerja pembinaan di tapak. Secara dasarnya, keluasan bagi Residensi MADANI Putrajaya adalah 800 kaki persegi dengan harga jualan RM200,000.00. Pelbagai kemudahan awam turut disediakan di dalam plot pembangunan ini seperti surau, dewan serbaguna, tadika, taska, ruang niaga, kemudahan gelanggang sukan dan taman permainan kanak-kanak serta tempat letak kereta berbumbung dan sebagainya. Tapak pembinaan ini juga berdekatan dengan Pusat Kejiranan iaitu Kompleks Kejiranan, Kompleks Sekolah, Taman-Tamaan Awam dan kemudahan pengangkutan awam dan MRT.


Orang awam yang berminat untuk mengetahui lanjut mengenai Residensi MADANI Putrajaya dan ingin membuat permohonan, mereka boleh melayari maklumat di portal <https://residensimadani.jwp.gov.my/>, menyemak syarat-syarat permohonan dan membuat pendaftaran terus. Sebarang pertanyaan lanjut, orang awam boleh berhubung melalui talian 03-88923633 (Encik Hilman) / 03-88923634 (Cik Aizza) dan emel: [urusetiaresidensimadani@jwp.gov.my](mailto:urusetiaresidensimadani@jwp.gov.my) / [mahathir@ppj.gov.my](mailto:mahathir@ppj.gov.my).

Selain itu, bersempena **Hari Perancangan Bandar Sedunia 2024** peringkat kebangsaan yang turut diadakan pada hari ini di Hotel Everly Putrajaya, Putrajaya juga telah dianugerahkan sebagai **Bandar Paling Mampan 2024** dan telah berjaya mengekalkan status bandar paling mampan di Malaysia untuk 12 tahun berturut-turut.

*Sambungan Siaran Media*

**YAB PERDANA MENTERI MELUNCURKAN 7 PROJEK RESIDENSI MADANI DI PUTRAJAYA**

---



**(SITI FADILAH BINTI RAMLI)**

Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 25 Oktober 2024

---

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Puan Haryani Binti Kaulan di talian 019-383 1564.